

# Buletin Edisi 1/2013

# Jaluma

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



**Menteri Pengajian Tinggi  
lancar logo Sambutan  
20 tahun UTHM**

**Program Sangkutan UKM dengan  
University Duisburg - Essen, Jerman  
& Stockholm University, Sweden**

LB  
2326.3  
.B85



Seminar sehari bersama Dato'  
Dr. Mohd. Fadzilah Kamsah



UnISZA rai rakan industri



Majlis Bersama Pemimpin  
Datuk Mukhriz Tun Dr. Mahathir



## Naib Canselor lancar Inisiatif Program ULDP UTeM



Program Pembangunan Kepimpinan UTeM (ULDP) yang mula dibangunkan pada bulan Mei 2011 telah dirasmikan pelancarannya oleh Naib Canselor UTeM, Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan pada 3 Oktober 2012 bertempat di Dewan Besar UTeM. Majlis pelancaran dibuat bersempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik UTeM 2012-2020 dan pelancaran logo baharu UTeM.

ULDP diwujudkan bertujuan untuk membangunkan lapisan pemimpin UTeM yang berfokus kepada pembangunan kepimpinan dan pemikiran strategik untuk mencapai visi, misi dan strategi UTeM. Terdapat enam inisiatif terkandung di dalam program ULDP iaitu Satu Fakulti Satu Industri, UTeM *MyHome*, *Personalised Learning Environment*, *Green Café*, Jom Jemaah Di Masjid dan UTeM *Touch*. Inisiatif Satu Fakulti Satu Industri dibangunkan bertujuan untuk memberi keunikan dalam aspek pembelajaran kepada pelajar di UTeM menerusi perkongsian pintar universiti-Industri, meningkatkan kerjasama yang lebih menyeluruh di antara universiti-industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

UTeM *MyHome* pula merupakan satu inisiatif yang sangat kreatif di mana objektifnya adalah untuk mewujudkan rasa kekitaan dan kepunyaan serta kebertanggungjawaban bersama yang tinggi kepada warga UTeM. Melaluinya juga diharap akan wujud "kesejukan yang kukuh" di kalangan warga UTeM dan mentaliti "UTeM itu saya, saya adalah UTeM, UTeM kepunyaan kami bersama".

*Personalised Learning Environment* pula merupakan satu inisiatif yang berfokus kepada aspek pembelajaran. Matlamat penubuhannya adalah untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran yang inovatif, berkesan kepada pelajar UTeM di samping untuk menyediakan persekitaran pembelajaran bagi memudahkan pelajar UTeM mengurus dan mengawal sendiri pembelajaran mereka.

Ke arah pembangunan sahsiah staf dan pelajar serta penerapan nilai dan budaya berteraskan Islam merupakan dua objektif utama inisiatif *Green Cafe*. Inisiatif ini menekankan kepada lima prinsip utama iaitu Bersih, Bertanggungjawab, Bekerjasama, Berdisiplin dan Hormat Menghormati. Inisiatif Jom Jemaah Di Masjid pula menggariskan tiga objektif utama iaitu menjadikan Islam sebagai cara hidup warga UTeM, melahirkan graduan yang mempunyai sahsiah tinggi dan berkeperibadian mulia selaras dengan tuntutan agama dan membentuk diri dan jiwa staf UTeM yang menghayati nilai-nilai murni.

Inisiatif ke enam iaitu UTeM *Touch* bertujuan untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah serta keusahawanan. Di samping itu ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran budaya cintai alam hijau kepada komuniti untuk mengatasi isu pemanasan global serta meningkatkan amalan gaya hidup sihat dan memupuk kolaborasi pintar melalui UTeM-Komuniti-Penaja dalam Negara dan rantau ASEAN.



## Penilaian MQA di UniSZA

Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah mengadakan lawatan bagi Penilaian Akreditasi Penuh Program Ijazah Sarjana Muda Produksi dan Kesihatan Haiwan (MQA/FA 1672), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 29 hingga 30 Mei 2012.

Hampir 30 staf UniSZA telah menyertai majlis pembukaan sempena lawatan pihak MQA termasuk tiga orang ahli panel penilai iaitu Prof. Dr. Zamri Saad, Prof. Dr. Abd Razak Alimun dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Dr. Abu Hassan Muhammad Ali dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa UniSZA, Prof. Dr. Amran Ahmed, Dekan FPB, Prof. Dr. Mat Zakaria, Timbalan Dekan, Ketua Jabatan dan pensyarah terutama daripada Jabatan Sains Haiwan, FPB.

Lawatan dua hari itu adalah bertujuan untuk menyemak dan menilai dokumen asal, melawat premis, makmal, bilik kuliah, peralatan dan sumber pembelajaran berkaitan dengan program yang dinilai, mengadakan temu bual dengan pihak pengurusan, staf akademik dan pelajar di samping memerhati proses pengajaran dan pembelajaran ilmu.

